


BILANGAN 10 KALANGAN



Mahkamah diberitahu bahawa blog Gan mengandungi elemen hasutan dan boleh membangkitkan rasa permusuhan di **kalangan** para pembaca.

Kalangan bermaksud lingkungan atau golongan. Apabila menggunakan perkataan ini, pengguna sudah tentu telah memastikan maksud jamaknya dan tidak perlu menggandakan kekata yang mengikutinya. Ayat contoh:

- 01 Di kalangan orang Melayu Singapura terdapat golongan yang kurang bernasib baik. (bukan di **kalangan** orang-orang Melayu)
- 02 Pihak Universiti telah mengenal pasti pemimpin yang berpotensi di **kalangan** mahasiswa. (bukan di kalangan mahasiswa-mahasiswa)
- 03 Puisi 'Tuhan' karya Jamal Tukimin mendapat reaksi daripada pelbagai kalangan.

Perkataan **para** yang mengikuti perkataan **kalangan** dalam petikan ini juga mengandungi unsur jamak. Jadi penggunaannya kurang tepat. Ayat yang benar ialah:

- 04 Mahkamah diberitahu bahawa blog Gan mengandungi elemen hasutan dan boleh membangkitkan rasa permusuhan di **kalangan** pembaca.